

220

NO. SOALAN : 383

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN LIM LIP ENG [SEGAMPUT]**

**SOALAN :**

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sudahkah pajakan Lot-Lot 54265 dan 54268 kepada Measat DigiCast Sdn Bhd dibatalkan, bilakah tarikh pindahmilik 2 Lot itu kepada Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan disempurnakan dan jika belum, apakah sebab terjadinya kelengahan.

**JAWAPAN : YB DATUK WIRA RAZALI BIN IBRAHIM**

**TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) dalam proses untuk menyerahkan hak milik-hak milik tanah berkenaan dibawah Seksyen 197 Kanun Tanah Negara (KTN) kepada Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan (PPTG WP).

Sekian, terima kasih.